

**Parlimen: Kerugian Bank Negara RM5.7 Bilion Telah Dilunaskan
Bernama
24 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Kerugian sebanyak RM5.7 bilion yang dialami oleh Bank Negara Malaysia berkaitan pertukaran wang asing pada awal tahun 90-an, telahpun dilunaskan dalam masa 10 tahun sehingga tahun 2002.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim berkata isu kerugian berkenaan yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 1993, ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajunya selaku Menteri Kewangan.

"Kita hendak ambil tindakan, tetapi apabila hendak ambil tindakan berkenaan, mereka buat aduan luar," katanya ketika menjawab soalan Lim Guan Eng (Bagan-DAP) di Dewan Rakyat di sini.

Lim ingin tahu jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh Bank Negara dalam pasaran pertukaran wang asing dari tahun 1990 hingga 2012, dan siapa yang dikenal pasti bertanggungjawab dan mengapa tiada sebarang tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Kerugian Bank Negara itu pernah dibangkitkan di Parlimen pada 1993, ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin yang meletak jawatan pada 15 Mac 1991.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696878>